

ARAHAN 13/2020

DI BAWAH BAB 62A AKTA PENYAKIT BERJANGKIT PENGGAL 2004

1. Menurut Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2020 yang berkuatkuasa bermula 30 Januari 2020 dan sebagaimana kenyataan media Kementerian Kesihatan yang disiarkan pada 20 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 14 Mei 2020,
 - 1.1. Dengan mengambilkira situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini adalah dalam keadaan yang terkawal, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang telah dilaksanakan berikutan wabak COVID-19 di negara ini sejak Mac 2020, seperti berikut:
 - Pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan mengenakan syarat-syarat tertentu bermula pada **hari Sabtu, 22 Ramadhan 1441H bersamaan dengan 16 Mei 2020**.
 - Bagi peringkat pertama ini, pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial akan melibatkan:
 - Sekolah memandu
 - *Gyms and fitness centres*

- Fasiliti sukan (*indoor and outdoor*)
 - Padang golf
 - Restoran, kafe dan *food courts*
 - Gerai dan pasar
- 1.2. Keterangan lanjut mengenai pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial di setiap premis tersebut adalah mengikut arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian-Kementerian yang berkenaan.
- 1.3. Orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang berkaitan dengan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial tersebut. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggali 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tarikh: 26 Syawal 1441
18 Jun 2020